



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN PROGRAM KPT-MEDAC SISWAPRENEUR ANTARA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)

KPT CAKNA USAHAWAN PELAJAR MENERUSI PROGRAM KPT-MEDAC SISWAPRENEUR

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) meneruskan usaha untuk cakna kepada usahawan pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menerusi pelaksanaan Program KPT-MEDAC Siswapreneur. Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding – MoU*) yang dimeterai dengan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC) pada hari ini menyaksikan satu lagi langkah strategik KPT dalam mempermudah golongan usahawan pelajar untuk mendapatkan pembiayaan mikro kredit melalui TEKUN Nasional.

Melalui program ini, usahawan pelajar berpeluang untuk memula dan mengembangkan perniagaan mereka semasa dalam tempoh pengajian. Pembiayaan mikro kredit yang ditawarkan mensasarkan seramai 20,000 orang usahawan pelajar dari Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti dengan peruntukan berjumlah RM20 juta. KPT menjangkakan bahawa dengan adanya program-program kerjasama seumpama ini, jumlah usahawan pelajar dan usahawan graduan akan dapat ditingkatkan, selain dapat membantu meringankan beban kewangan mereka.

Sebagai permulaan, Program KPT-MEDAC Siswapreneur akan dilaksanakan secara rintis di 15 buah IPT terpilih untuk tempoh enam bulan pertama sebelum diperluaskan kepada IPT lain. Pusat/Unit Keusahawanan IPT akan membuat saringan ke atas permohonan pembiayaan daripada usahawan pelajar yang berpotensi sebelum dikemukakan kepada TEKUN Nasional untuk kelulusan.

IPT perintis yang telah dikenal pasti ini terdiri daripada empat buah (4) Universiti Awam dan sebelas (11) buah politeknik dan kolej komuniti, iaitu:

- (a) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS);
- (b) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA);
- (c) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM);
- (d) Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP);
- (e) Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS);
- (f) Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS);
- (g) Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS);
- (h) Politeknik Sandakan Sabah (PSS);
- (i) Politeknik Ungku Omar (PUO);
- (j) Politeknik Kuching, Sarawak (PKS);
- (k) Kolej Komuniti Baling;
- (l) Kolej Komuniti Kok Lanas;
- (m) Kolej Komuniti Arau;
- (n) Kolej Komuniti Manjung; dan
- (o) Kolej Komuniti Masjid Tanah.

MoU ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Setiausaha KPT dan YB Ustaz Shaharizukirnain Abd Kadir, Pengerusi TEKUN Nasional, dengan disaksikan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi dan YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI & KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
26 NOVEMBER 2020**